

02 JUL 1999

Tol

TIGA WAKIL RAKYAT MAHU MAHATHIR HAPUSKAN TOL DI LALUAN DAMANSARA

PUTRAJAYA, 2 Julai (Bernama) -- Tiga anggota Parlimen hari ini menyerahkan satu petisyen yang ditandatangani 23,000 orang meminta Perdana Menteri menghapuskan cadangan kutipan tol di laluan Damansara oleh Sprint (Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd).

Donald Lim wakil rakyat Petaling Jaya Selatan, Vincent Lim (Petaling Jaya Utara), kedua-duanya dari MCA, dan Dr Tan Kee Kwong (Segambut) dari Gerakan, menyerahkan petisyen itu kepada timbalan ketua setiausaha sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Badariah Arshad.

Donald Lim berkata tandatangan itu dikumpulkan oleh satu jawatankuasa bertindak yang dibentuk oleh 12 persatuan mewakili lebih 40,000 keluarga yang terbabit di Petaling Jaya, Bukit Lanjan, Taman Tun Dr Ismail dan kawasan sekitarnya.

"Cadangan kutipan tol di sini (berhadapan dengan Hotel Eastin) adalah tidak wajar. Dengan 23,000 orang yang mendandatangani petisyen ini menunjukkan bahawa penduduk amat tidak berpuashati," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan petisyen itu di pejabat Perdana Menteri di sini.

Lebuhraya tol berharga RM1.3 bilion itu apabila siap tahun depan, akan memberi khidmat kepada kira-kira 400,000 penduduk di pinggir bandar sebelah Barat Kuala Lumpur. Laluan Damansara merupakan satu daripada tiga tol plaza yang dicadangkan oleh Sprint, pemegang konsesi lebuhraya.

Rangkaian Sprint merupakan lebuhraya dua hala dengan enam lorong yang termasuk terowong sepanjang 700m, 17km jejambat dan 13 persimpangan pelbagai tingkat. Komponennya merupakan laluan Duta-Kerinchi, laluan Penchala dan laluan Damansara-Semantan.

Donald Lim berkata anggota Parlimen dan penduduk membantah kutipan tol itu di laluan Damansara kerana Sprint hanya menaiktaraf jalan raya yang ada dan bukannya membina yang baru.

Mereka mengambil alih tiga lorong jalan dan memberikan satu jalan dua lorong (baru) tanpa tol yang pastinya akan menambahkan lagi kesesakan jalan raya dan bukannya melancarkan perjalanan, katanya.

Beliau berkata kerajaan sepatutnya meminta Sprint membina jalan yang ditinggikan untuk menghubungkan lebuhraya itu dengan lebuhraya Damansara-Puchong serta lebuhraya Lembah Klang Utara dan mengutip tol di situ, daripada melakukannya di jalan yang sedia ada.

"Sebahagian besar kos pembinaan ialah di sebelah sana lebuhraya tetapi Sprint mahu mengenakan tol di Damansara kerana kira-kira 160,000 kenderaan menggunakan laluan ini setiap hari. Ini tidak adil bagi penduduk di sini," katanya.

-- BERNAMA

AR JK RON